

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Tempatan)
Hari/Tarikh: 20/3/2016
Muka surat: 4

Tajuk : Kemahiran nilai tambah graduan

Kemahiran nilai tambah graduan

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN: Graduan digesa untuk mengambil seberapa banyak ilmu ketika menuntut di universiti, kata Menteri Kerja Raya, Dato' Seri Fadillah Yusof.

Beliau menambah, masa di universiti adalah tempoh yang sesuai untuk mengasah pelbagai kemahiran dalam pelbagai bidang.

"Kemahiran graduan dalam pelbagai bidang akan menjadi tambah nilai kepada anda (graduan) untuk bersaing di pasaran kerja nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Perasmian G-Experience Kolej Cempaka di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, malam semalam.

Dalam pada itu, Fadillah yang juga Menteri Mentor UNIMAS memuji usaha dilakukan oleh pihak pengajur apabila memberi pendedahan kepada

golongan sasar mengenai universiti terbabit.

"Saya melihat usaha UNIMAS menerusi Kolej Cempaka yang memberi pendedahan kepada pelajar tingkatan enam mengenai kursus-kursus ditawarkan di universiti ini sebagai langkah persediaan kepada golongan sasar.

"Pendedahan seperti ini akan memberi semangat kepada pelajar terbabit untuk belajar bersungguh-sungguh dan memilih UNIMAS sebagai universiti pilihan mereka," jelasnya.

Justeru, beliau berharap, kerjasama UNIMAS dengan sekolah-sekolah di sekitar rantau raya Kuching dan kawasan Samarahan akan diteruskan pada masa akan datang.

"Maka, jaringan sosial daripada pelbagai pihak akan dikembangkan melalui penganjuran aktiviti seperti ini.

"Oleh itu, program sedemikian amat memberi manfaat

kepada kedua-dua belah pihak," ujarnya.

Sebanyak empat sekolah yang mempunyai pelajar tingkatan enam menyertai program terbabit iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Lintang, SMK Sejingkat, SMK Tun Haji Openg dan SMK Samarah-

han.

Turut hadir, Dekan Pusat

Pemajuan Pelajar UNIMAS,

Prof. Madya Dr. Siti Raudzah Ghazali dan Pengetua Kolej Cempaka, Bakri Abdul Karim.

PENYERTAAN... Fadillah Yusof menyerahkan sijil penyertaan kepada salah seorang wakil sekolah yang menghadiri G-Experience di UNIMAS di Kota Samarahan, malam semalam.

